

Headline	TNB peruntuk RM18.8 billion perluas operasi grid 2018-2020		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	14
ArticleSize	352 cm²	Journalist	Zunaidah Zainon
PR Value	RM 20,871		



TNB peruntuk RM18.8 billion perluas operasi grid 2018-2020

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
elzainon@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 15 Mei - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan pelaburan modal sebanyak RM18.8 billion untuk memperluaskan operasi grid di bawah Tempoh Pengawalseliaan Kedua TNB selama tiga tahun (2018-2020).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata, pelaburan itu bagi meningkatkan pendiditan dan automasasi termasuk menambah sokongan prestasi dan keupayaan syarikat.

Dari pada jumlah itu, TNB memperuntukkan RM2.7 billion untuk teknologi Grid Masa Depan yang akan meningkatkan keupayaan dan kecekapan grid.

"Pelaburan bagi sistem peng-



LEO MOGGIE (tengah) bersama Azman Mohd (kiri) dan Fazur Rahman Zainuddin melihat buku laporan tahunan ketika sidang akbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-28 di Kuala Lumpur, semalam.

hantran dan jaminan pengalihan grid itu juga termasuk penempatan berjadaul 340,000 meter

1.2 juta meter pintar tambahan di Lembah Klang," katanya dalam sidang akbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) TNB ke-28

di sini hari ini.

Yang turut hadir, Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dan Ketua Pegawai Kewangan TNB, Datuk Fazur Rahman Zainuddin.

Berdasarkan laporan tahunan bersepada empat bulan TNB berakhir 31 Disember 2017, Tempoh Pengawalseliaan Pertama berakhir pada Disember 2017 yang menyaksikan kerjaan meluluskan tujuh pusingan pelaksanaan mekanisme ketidakseimbangan

bilion bagi suku pertama tempoh berakhir Disember 2017 berbanding RM1.79 bilion tempoh sama tahun sebelumnya yang mana 45 peratus dipacu oleh pembiagaan dikawal sella.

Menurut Azman, TNB optimis Tempoh Pengawalseliaan Kedua itu akan terus menyokong asas syarikat dan memastikan penyampaian nilai kepada TNB, pemegang saham dan pihak berkepentingan.

Beliau memberitahu, pembinaan loji tenaga Jimah East Power (JEP) di Jimah Port Dickson yang berharga RM12.5 billion kini dalam landasan dan beroperasi mengikut jadual pada 2019.

Katanya, TNB memiliki pegangan 70 peratus dalam stesen jana kuasa itu yang juga menggunakan teknologi ultra-supercritical mampu menjana kuasa 2,000

megawatt tenaga elektrik. "Ini akan meningkatkan penggunaan pasaran TNB dalam kapasiti jana kuasa kepada 53.2 peratus daripada 51.8 peratus, sekali gus menyumbang kepada kemapanan sistem grid kebangsaan," katanya.

Mengenai kadar tarif pulu, Moggie menjelaskan, ia hanya boleh dikaji semula selepas mekanisme ketidakseimbangan pelepasan kos bahan api (ICPT) berakhir Jun ini.

Dalam pada itu, Fazur Rahman berkata, TNB menjangkakan rizab margin jana kuasa kekal mapan pada 30 peratus pada masa hadapan.

"Ia termasuklah penambahan loji baharu dengan tambahan kapasiti dan permintaan dari semua ke semasa serta kapasiti sedia ada yang akan tamat," katanya.